



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

BAHASA MELAYU KOMUNIKASI PENDIDIKAN KHAS TINGKATAN 5





RUKUN NEGARA

Bahawasanya Negara Kita Malaysia

mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokrasi;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

MAKA KAMI, rakyat Malaysia,
berikrar akan menumpukan
seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut
berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

(Sumber: Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia)

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH PENDIDIKAN KHAS

BAHASA MELAYU KOMUNIKASI PENDIDIKAN KHAS

TINGKATAN

5

PENULIS

ASMAH BINTI ABDUL HAMID
NORHANI BINTI ABDUL KARIM
ZAIHANIM BINTI ZAINAL ABIDIN

EDITOR

NOOR ROZA BINTI HASSAN
HAZIMAH BINTI YUSOF

JAWATANKUASA

PENINGKATAN MUTU
SHAMSUDIN BIN OTHMAN
SHAFIE BIN ARIFIN
SHARIFAH BINTI ABD RAHMAN
MOHD KHAIREL BIN RANI

PEREKA BENTUK

NOR SHAZILA BINTI ISMAIL

ILUSTRATOR

SYAHRUL FAIZ BIN ZAINUDDIN



DBP

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2020



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No. Siri Buku: 0074

KK 499-221-0102011-49-2876-30101
ISBN 978-983-49-2876-6

Cetakan Pertama 2020
© Kementerian Pendidikan Malaysia 2020

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara bahan elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.
No. Telefon: 03-2147 9000 (8 talian)
No. Faksimile: 03-2147 9643
Laman Web: <http://www.dbp.gov.my>

Reka Letak dan Atur Huruf:
ISQ Publishing Sdn. Bhd.

Muka Taip Teks: Azim
Saiz Muka Taip Teks: 13 poin

Dicetak oleh:
Percetakan Nasional Malaysia Berhad,
Jalan Chan Sow Lin,
50554 Kuala Lumpur.

PENGHARGAAN

Penerbitan buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan khusus kepada semua pihak yang terlibat:

- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera (NSK), Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pegawai-pegawai Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan dan Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jawatankuasa Pembaca Luar, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azydar Enterprise.
- Golden Minds Consultant, Pasir Puteh, Kelantan.
- Hospital Selayang, Selangor.
- Humanitarian and Emergency Relief Organization (The 3rd Force), Pasir Puteh, Kelantan.
- Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Sabah.
- Persatuan Orang-orang Cacat Anggota Malaysia (POCAM), Jalan Gurney, Kuala Lumpur.
- Persekutuan Orang Pekak Malaysia, Puchong, Selangor.
- Sky Mirror Tour and Travel Sdn. Bhd.
- SMK Bukit Sentosa, Rawang, Selangor.
- SMK Dengkil, Dengkil, Selangor.
- SMK Sungai Keruit, Sungkai, Perak.
- SMPK Vokasional Merbok, Bedong, Kedah.
- Studio Raw Denim House, Jerneh, Terengganu.
- Syarikat Orthovive Sdn. Bhd. Menggatal, Kota Kinabalu, Sabah.
- TF Archery & Supply, Pasir Puteh, Kelantan.
- Yayasan Raja Shamri, Pasir Puteh, Kelantan.



KANDUNGAN

Pendahuluan
Panduan Ikon

vi
viii

TEMA 1 PENCAPAIAN KENDIRI

1

Unit 1 Kemahiran Berdikari

2

Unit 2 Keselamatan dan Perlindungan Peribadi

7

Unit 3 Motivasi Diri

13

Jom Berkomunikasi

17

TEMA 2 HUBUNGAN KEKELUARGAAN

19

Unit 4 Berkongsi Emosi

20

Unit 5 Aktiviti Kekeluargaan

25

Unit 6 Memori Bersama-sama dengan Keluarga

31

Jom Berkomunikasi

35

TEMA 3 MASA LAPANG

37

Unit 7 Melancong

38

Unit 8 Kraf Tangan

43

Unit 9 Aktiviti Luar

49

Jom Berkomunikasi

54

TEMA 4 HIDUP BERMASYARAKAT

55

Unit 10 Kemahiran Bersosial dalam Masyarakat Majmuk

56

Unit 11 Amalan Budaya dalam Masyarakat Majmuk

61

Unit 12 Kesantunan Bahasa Merentas Budaya

67

Jom Berkomunikasi

72

TEMA 5 ORANG KURANG UPAYA (OKU) 73

Unit 13	Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)	74
Unit 14	Hala Tuju	79
Unit 15	Orang Kurang Upaya (OKU) dan Produktiviti	85
Jom Berkomunikasi		90

TEMA 6 ALAM SEKITAR 91

Unit 16	Teknologi Hijau	92
Unit 17	Biodiversiti	97
Unit 18	Bahan Buangan Sisa Domestik	103
Jom Berkomunikasi		107

TEMA 7 EKONOMI 109

Unit 19	Persediaan ke Alam Kerjaya	110
Unit 20	Rakan Niaga	115
Unit 21	Tokoh Usahawan	121
Jom Berkomunikasi		126

TEMA 8 SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI 127

Unit 22	Perniagaan dalam Talian	128
Unit 23	Revolusi Industri 4.0	133
Unit 24	Kaedah Pemasaran Produk	139
Jom Berkomunikasi		144


TEMA 9 POLITIK 145

Unit 25	Modal Insan	146
Unit 26	Patriotik	151
Unit 27	Membendung Anasir Luar	157
Jom Berkomunikasi		161

TEMA 10 ISU SEMASA 163

Unit 28	Teknologi Digital	164
Unit 29	Integriti	169
Unit 30	Pencegahan Rasuah	175
Jom Berkomunikasi		179

Glosari	181
Senarai Rujukan	183
Indeks	184



PENDAHULUAN

Buku teks *Bahasa Melayu Komunikasi Pendidikan Khas Tingkatan 5* ini ditulis berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (KSSMPK) yang disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Kandungan buku teks ini disusun mengikut tema dengan berfokus pada pemerolehan pengetahuan berbahasa, penerapan elemen kreativiti dan inovasi, Elemen Merentas Kurikulum (EMK), pemupukan nilai murni dan perpaduan. Terdapat sepuluh tema, iaitu Pencapaian Kendiri, Hubungan Kekeluargaan, Masa Lapang, Hidup Bermasyarakat, Orang Kurang Upaya (OKU), Alam Sekitar, Ekonomi, Sains, Teknologi dan Inovasi, Politik dan Isu Semasa. Setiap tema dikembangkan kepada beberapa unit bagi memudahkan murid memahami topik yang dibincangkan.

Penulisan buku ini berasaskan pendekatan pembelajaran modular yang berteraskan kemahiran berbahasa, iaitu kemahiran mendengar dan bertutur atau melihat, mengecam dan mengisyarat, kemahiran membaca atau mengisyarat serta kemahiran menulis. Setiap kemahiran disusun berdasarkan pemeringkatan yang perlu dikuasai oleh Murid Berkeperluan Khas (MBK) berpandukan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu Komunikasi Pendidikan Khas Tingkatan 5.

Bahan pengajaran dan pembelajaran yang dimuatkan dalam buku teks ini dipersembahkan dalam pelbagai bentuk seperti petikan, dialog, carta, peta pemikiran dan permainan bagi meningkatkan minat dan keseronokan belajar. Pemilihan bahan pengajaran dan pembelajaran, aktiviti dan latihan berdasarkan Pembelajaran Abad Ke-21 dengan menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) bagi merangsang MBK berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif. Bahan yang disediakan juga dapat membantu guru melaksanakan aktiviti pembelajaran dan pemudahcaraan yang berkesan.

Buku teks ini menggunakan kaedah penceritaan melalui watak yang dipilih yang melibatkan murid daripada pelbagai kaum di seluruh Malaysia. Sudut info menyediakan maklumat tambahan bagi membantu murid memahami fakta yang disampaikan. Kod QR atau *Quick Response Code* (QR Code) digunakan

untuk mengimbas maklumat tambahan melalui aplikasi telefon pintar *QR Reader*. Glosari, senarai rujukan dan indeks juga disediakan pada bahagian akhir buku teks ini.

Akhir kata, penulis berharap agar buku teks ini menjadi bahan pembelajaran untuk melengkapkan MBK dengan keterampilan berbahasa, berkomunikasi serta memperoleh ilmu, maklumat, idea, kemahiran dan nilai bagi memenuhi keperluan diri dalam urusan harian, pendidikan dan kerjaya.

Asmah binti Abdul Hamid
Norhani binti Abdul Karim
Zaihanim binti Zainal Abidin



Mendengar dan Bertutur

Melibatkan keupayaan murid mendengar, melihat dan mengecam, berbual dan berbincang untuk menjalinkan hubungan dan menyampaikan maklumat.



Membaca

Memfokuskan keupayaan murid membaca secara mekanis dengan sebutan dan intonasi yang betul serta dapat membaca pelbagai bahan.



Menulis

Memfokuskan keupayaan murid menulis perkataan, rangkai kata dan ayat serta melahirkan idea melalui pelbagai bentuk penulisan.



Info

Memberikan maklumat tambahan tentang sesuatu perkara yang dibincangkan.



Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

Menunjukkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.

PANDUAN IKON



Jom Berkomunikasi

Memberikan galakan kepada murid supaya berkomunikasi dengan baikny.



Aktiviti

Murid perlu melakukan aktiviti berdasarkan kemahiran.



Standard Pembelajaran

Mengandungi nombor standard pembelajaran.



Penilaian

Bertujuan untuk menilai kefahaman murid terhadap kandungan tema.



Kod Respons Pantas atau Quick Response Code (QR Code)

Maklumat tambahan yang perlu diimbis dengan menggunakan telefon pintar.

Tema 1

Pencapaian Kendiri



1. Nyatakan cara untuk hidup berdikari.
2. Mengapakah kita perlu menjaga keselamatan diri?
3. Siapakah yang menjadi pendorong kepada anda untuk berjaya dalam hidup?



Mendengar dan Bertutur

Program Transisi ke Kerjaya

Cikgu Liza merupakan Guru Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah Menengah Kebangsaan Bestari. Beliau telah menemu bual murid-murid Tingkatan Lima Usahawan, Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI).



Apakah perancangan kamu setelah tamat alam persekolahan?

Saya ingin bekerja untuk membantu ibu bapa saya.

Saya mahu menyambung pelajaran dalam bidang kemahiran.





Cikgu Liza memberikan penerangan kepada murid-murid tersebut tentang objektif dan bidang kemahiran yang ditawarkan dalam Program Transisi ke Kerjaya sebagai persediaan mereka untuk menjalani kehidupan selepas tamat persekolahan.



TEMA 1

Pencapaian Kendiri



Fahami maklumat yang disampaikan dan kongsi dengan rakan anda.

Aktiviti



1.1.1 Mendengar dan menyampaikan semula maklumat yang diterima dengan betul dan tepat.



Program Perantisan Industri Menengah Atas

Program Perantisan Industri Menengah Atas (PIMA) ialah satu program aliran kemahiran di sekolah menengah. Program ini dijalankan secara kolaboratif antara Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan pihak industri atau institusi latihan. Matlamat utama program ini adalah untuk melahirkan modal insan yang berkemahiran, yakin diri dan bersedia untuk menyertai pasaran kerja. Murid-murid berpeluang memilih bidang kemahiran mengikut minat atau kecenderungan mereka.

Program ini terbuka kepada murid tingkatan empat yang berminat dan mendapat kebenaran daripada ibu bapa mereka. Murid yang terpilih perlu menandatangani surat perjanjian yang telah ditetapkan.

Antara bidang kemahiran yang ditawarkan termasuklah:

- Automotif.
- Terapi kecantikan dan spa.
- Pembuatan pakaian wanita.
- Teknologi kimpalan arka dan gas.
- Perkhidmatan penyelenggaraan motosikal.

“Saya mempelajari pelbagai latihan kemahiran dalam industri seperti memotong dan mengimpal besi. Selain itu, saya belajar untuk menepati masa. Saya berasa seronok kerana dapat belajar perkara yang saya minati.”

- Irfan Haqimi

(Sumber: www.pendidik.com.my)



Aktiviti

Baca teks di atas dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai.





Menulis

Latihan Industri

Cikgu Zaki mengadakan perjumpaan dengan ibu bapa murid yang berminat untuk menyertai latihan industri. Murid dikehendaki mengisi borang permohonan dengan mengimbas kod QR yang disediakan. Aina mengisi borang dengan bantuan ibu bapanya.



TEMA
1

Pencapaian Kendiri

BORANG PERMOHONAN LATHIAN INDUSTRI		GAMBAR	
MAKLUMAT MURID			
Nama Murid	_____		
No. Kad Pengiraan	_____	Jantina	_____
Tarikh Lahir	_____	Umur pada 1 Januari	_____
Alamat Rumah	_____		
No. Telefon	_____		
Terdarangan Murid	_____	Tarikh	_____
MAKLUMAT IBU BAPA/PENJAGA			
Nama Bapa/Penjaga	_____		
Pekerjaan	_____	No. Telefon	_____
Nama Ibu	_____		
Pekerjaan	_____	No. Telefon	_____
Terdarangan Ibu Bapa/Penjaga	_____	Tarikh	_____
Ditandatangani oleh pihak sekolah:			
Bojeng	_____	Kursus	_____
Nama Syarikat/Pena Tempaat Latihan	_____		
Alamat Syarikat/Pena Tempaat Latihan	_____		
No. Telefon Syarikat	_____		
Nama Pegawai Perhubungan	_____		



Aktiviti

Lengkapkan borang permohonan yang disediakan.



3.1.1 Menulis maklumat yang diperlukan dalam pelbagai bahan.




Penilaian

Berdasarkan gambar, ceritakan pengalaman anda.



1 Pernahkah anda menaiki pengangkutan awam?



2 Ceritakan pengalaman pertama anda menyediakan makanan di rumah.



3 Bagaimanakah anda menjaga penampilan diri?



4 Apakah aktiviti yang anda lakukan pada masa lapang?




Mendengar dan Bertutur

Keselamatan Diri

Khairi merupakan murid Tingkatan Lima Nilam, Sekolah Menengah Kebangsaan Bestari. Dia telah terpilih untuk menjalani latihan industri di Syarikat Automotif Berjaya. Setiap hari, dia berulang-alik ke tempat kerja dengan menunggang motosikal. Khairi sentiasa menjaga keselamatan diri sepanjang perjalanan pergi dan balik serta mematuhi peraturan keselamatan semasa berada di bengkel.

TEMA
1

Pencapaian Kendiri



Aktiviti


Berdasarkan bahan, berikan pandangan anda tentang cara menjaga keselamatan diri.



1.1.2 Memberi respons dengan yakin dan sopan terhadap maklumat yang diterima.



Membaca




Skim Perlindungan Murid

Terdapat satu jenis Skim Perlindungan Murid di bawah Bantuan Pembelajaran, iaitu skim Takaful Pelajar Sekolah Malaysia (TPSM). Skim perlindungan ini diwajibkan kepada semua murid prasekolah hingga tingkatan enam. Sumbangan sebanyak RMI.50 setahun bagi setiap murid warganegara Malaysia yang berdaftar di bawah sekolah kerajaan ditanggung oleh kerajaan. Bagi murid yang bukan warganegara boleh menyertai skim ini dengan membayar sumbangan TPSM sebanyak RMI.50 setahun melalui sekolah masing-masing.

Skim TPSM menyediakan perlindungan 24 jam sehari meliputi seluruh dunia. Jangka masa atau tempoh perlindungan skim ini berkuat kuasa dari 1 Januari hingga 31 Disember tahun semasa. Perlindungan kepada murid akan tamat serta-merta apabila murid tersebut berhenti atau diberhentikan.

Skim perlindungan yang dicadangkan ini menyediakan manfaat perlindungan kepada murid atau warisnya jika ditakdirkan berlaku kematian atau keilatan akibat kemalangan. Kemalangan tersebut termasuklah menunggang motosikal sama ada sebagai penunggang atau pembonceng, mati lemas, terhidu gas dan keracunan makanan.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada surat siaran KPM)



Jadual Manfaat Skim Takaful Pelajar Sekolah Malaysia

Skop Perlindungan	Amaun Manfaat (RM)
A. Kematian akibat kemalangan.	5500.00
B. Lumpuh berkekalan seluruh badan akibat kemalangan.	22 000.00
C. Terpisah atau putus anggota dengan badan atau kehilangan penglihatan akibat kemalangan seperti yang berikut:	
i. Kedua-dua belah tangan di atas pergelangan tangan, atau	} 22 000.00
ii. Kedua-dua belah kaki di atas buku lali, atau	
iii. Kehilangan kekal penglihatan kedua-dua belah mata.	
• Jika kehilangan hanya satu daripada mana-mana anggota badan atau penglihatan dalam perkara C (i), (ii) dan (iii) di atas, maka amaun manfaatnya adalah sebanyak 50% daripada RM22 000.00.	11 000.00
D. Khairat kematian – mati akibat sakit biasa.	1500.00
E. Elaun tunai hospital bagi setiap hari selama tempoh dimasukkan ke hospital kerajaan atau swasta disebabkan oleh kemalangan dan tidak melebihi 60 hari berturut-turut dari tarikh masuk wad.	25.00 sehari
F. Elaun kerusi roda – dengan ini diperakukan dan dipersetujui bahawa sekiranya berlaku musibah kepada Orang Yang Dilindungi yang diakibatkan oleh kemalangan dan menyebabkan kecacatan kekal, syarikat akan membuat bayaran balik kepada Orang Yang Dilindungi kos sebenar pembelian kerusi roda sehingga jumlah maksimum sebanyak RM1000.00. Pembelian kerusi roda untuk membantu mobiliti Orang Yang Dilindungi sentiasa tertakluk kepada cadangan pakar ortopedik atau pakar bedah ortopedik.	1000.00

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada www.moe.gov.my)



Aktiviti

Baca dan teliti maklumat yang terdapat dalam bahan.



2.1.2 Membaca untuk mendapatkan maklumat yang terdapat dalam pelbagai bahan.





Menulis

Menjaga Kehormatan Diri

Mira dan Mei Ling sedang berbual-bual tentang topik pembelajaran yang disampaikan oleh Cikgu Sara. Cikgu Sara telah menerangkan cara menjaga kehormatan diri kepada mereka.

TEMA 1

Pencapaian Kendiri

Mira, tadi Cikgu Sara ada memberitahu kita tentang cara untuk menjaga kehormatan diri.

Ya, Mei Ling. Cikgu Sara menasihati kita supaya tidak membenarkan orang lain menyentuh tubuh badan kita.

Apakah yang perlu kita lakukan jika kita diganggu?

Kita perlu berani membuat laporan kepada pihak berkuasa.

Cara Menjaga Kehormatan Diri

- Mengamalkan ajaran agama.
- Menunjukkan imej diri yang bersih dan kemas.
- Beradab, bersopan santun dan bertatasusila.
- Mematuhi peraturan dan undang-undang.



Info

- Kurikulum Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial (PEERS) telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pendidikan ini bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada murid tentang kepentingan menjaga keselamatan tubuh badan.

(Sumber: Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM)

Hikmah Menjaga Kehormatan Diri

- Imej diri dan keluarga akan terpelihara.
- Dapat membendung jenayah.
- Dihormati oleh masyarakat.
- Dapat melahirkan masyarakat yang sejahtera dan bersatu padu.

**Akar cerita nama diberi,
Daun dikerat ditumbuk lumat;
Pandai-pandailah kita menjaga diri,
Dunia akhirat akan selamat.**



Aktiviti

Berdasarkan bahan, tulis nota peringatan kepada rakan anda.



3.1.2 Mencatat maklumat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber.



Penilaian

Lengkapkan teka silang kata berpandukan maklumat yang disediakan.

Setiap murid hendaklah sentiasa menjaga keselamatan diri dan menghindari tingkah laku negatif seperti tidak menghormati guru, mencuri, mengugut dan bergaduh.

Panduan:

1. Bagai isi dengan kuku.
2. Murid-murid hendaklah sentiasa _____ kepada ibu bapa dan guru-guru.
3. Sinonim perkataan sopan.
4. Peraturan untuk melatih seseorang supaya berkelakuan baik.
5. "Mintalah _____ sebelum mengambil atau menggunakan barang orang lain," kata Cikgu Hana kepada Balqis.





Mendengar dan Bertutur

Mutiara Kata

Cikgu Zira memperdengarkan mutiara kata bagi meningkatkan motivasi diri murid-muridnya. Beliau menasihati mereka supaya sentiasa berfikiran positif dan mencari jalan untuk mempertingkatkan potensi diri masing-masing.

TEMA
1

Pencapaian Kendiri

Mutiara Kata
Minda positif melahirkan kejayaan diri



Aktiviti

Berbual dengan rakan anda tentang mesej yang ingin disampaikan menggunakan mutiara kata di atas.



1.1.3 Berkomunikasi dengan berkesan tentang sesuatu topik dalam kehidupan harian.



Membaca

TEMA
1

Perkongsian Pintar

Pencapaian Kendiri

Projek Pertanian Fertigasi Tanaman Lada Solok yang dilaksanakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Titian Jaya mampu meraih hasil tuaian sehingga mencecah 500 kilogram semusim. Seramai 25 orang Murid Berkeperluan Khas (MBK) telah terlibat dalam projek tersebut.

Kejayaan mereka telah memberikan inspirasi kepada murid-murid dari sekolah lain. Cikgu Asmah, selaku Penyelaras Projek telah berkongsi pengalaman dengan guru-guru dan murid-murid yang datang ke sekolah mereka.

Projek Pertanian Fertigasi
Tanaman Lada Solok





- Aina: Bilakah sekolah cikgu mula menjalankan projek fertigasi?
- Cikgu Asmah: Kami memulakan projek ini sejak empat tahun lalu. Pada peringkat awal, kami menanam tomato dan cili padi. Projek tanaman lada solok pula telah kami mulakan pada tahun lepas.
- Jovian: Apakah cabaran sepanjang projek ini dijalankan?
- Cikgu Asmah: Cabarannya ialah serangan serangga perosak seperti lalat buah, ulat pokok dan hama yang sering menyerang tanaman.
- Ratna: Di manakah cikgu menjual hasil tanaman?
- Cikgu Asmah: Pada awalnya, kami hanya menjual hasil tanaman kepada guru-guru dan kakitangan sekolah. Kemudian, kami menjualnya kepada ibu bapa dan kedai-kedai berhampiran dengan kawasan sekolah. Kami juga mempelbagaikan produk lada solok seperti cili jeruk dan solok ikan.
- Azim: Bagaimanakah sambutanannya?
- Cikgu Asmah: Sambutannya sangat menggalakkan. Produk kami juga dijual secara dalam talian. Sesiapa yang berminat, boleh menghubungi kami melalui talian 010-12345678.



Berdasarkan bahan, baca maklumat dan kongsi dengan rakan anda.

Aktiviti



2.1.3 Membaca dan menyampaikan maklumat yang diperoleh daripada bahan bacaan.



Menulis

Sumber Inspirasi

Semasa Majlis Apresiasi Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) Sekolah Menengah Kebangsaan Kampung Bahagia baru-baru ini, pihak sekolah telah memilih Nurul Aqilah binti Ali Redza sebagai penerima Anugerah Tunas Jaya. Anugerah yang diterima telah menjadi inspirasi kepada adik-adik dan rakan-rakannya. Mereka ingin menjadi seperti Nurul Aqilah.

1

Latar belakang

- Dilahirkan pada 2 Ogos 2004 di Kuala Nerang, Kedah.
- Ibu bapa bekerja sebagai penoreh getah.
- Membantu ibu bapa mengutip getah pada hujung minggu.

2

Rahsia kejayaan

- Hormat kepada ibu bapa dan guru.
- Rajin mengulang kaji pelajaran.
- Aktif dalam kokurikulum.
- Bijak mengurus masa.
- Berdisiplin.

3

Kunci kejayaan

- Konsep DUIT (Doa, Usaha, Ikhtiar dan Tawakal).

4

Jawatan yang disandang di sekolah

- Pengawas Sekolah.
- Ketua Rumah Hijau.
- Pengerusi Kelab Kemahiran Hidup.
- Penyelaras Projek Pembuatan Roti.

5

Pencapaian

- Anugerah Kecemerlangan Akademik.
- Anugerah Kecemerlangan Kokurikulum.
- Olahragawati PPKI.
- Anugerah Khas Program NILAM (Nadi Ilmu Amalan Membaca).

*Tokoh
Tunas Jaya*



Aktiviti

Berdasarkan bahan, tulis rencana dan kongsi dalam majalah sekolah.





Jom Berkomunikasi

A. Lengkapkan ayat dengan jawapan yang betul. Ceritakan pengalaman anda berpandukan perkataan di dalam kotak jawapan.

TEMA
1

Pencapaian Kendiri

1 Program _____ merupakan program persediaan Murid Berkeperluan Khas (MBK) untuk menjalani kehidupan selepas alam persekolahan.

T R N S S

2 Program Perantisan Industri Menengah Atas (PIMA) ialah satu program aliran kemahiran yang dilaksanakan secara kolaboratif antara pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dengan pihak _____ dan institusi latihan.

I D U T I

3 Murid-murid disarankan menyertai skim _____ yang menyediakan manfaat perlindungan kepada mereka jika berlaku sesuatu musibah.

T K F L

4 Mutiara kata yang disampaikan oleh penceramah menjadi _____ kepada murid-murid untuk mencapai kejayaan.

M T V S



B. Perihalkan gambar di bawah.

TEMA
1

Pencapaian Kendiri



Perbincangan tentang
hala tuju pendidikan murid.



Latihan kemahiran
dengan bimbingan guru.



Menjalani
latihan industri.



Penilaian
prestasi.



Menerima sijil
pencapaian.

Tema 2

Hubungan Kekeluargaan



1. Apakah peranan ibu bapa dalam mewujudkan keluarga bahagia?
2. Nyatakan kebaikan mengekalkan silaturahmi.
3. Bagaimanakah anda mengisi masa lapang bersama-sama dengan keluarga?



Mendengar dan Bertutur

Siapa Saya?

TEMA
2

Emosi ditakrifkan sebagai suatu ekspresi perasaan naluri yang kuat seperti gembira, marah dan sedih. Emosi juga dapat diluahkan dari dalaman melalui tingkah laku tertentu atau cara kita menyampaikan perasaan tersebut.



Hubungan Kekeluargaan



Sebaik-baik sahaja tiba di dalam biliknya, Haikal mendapati biliknya berselerak. Buku-buku di atas meja tidak tersusun. Dia mendapati sebuah buku latihan telah diconteng malah beberapa keping biskut bertaburan di atas lantai. Haikal yakin, adiknya Haris telah masuk ke biliknya sebentar tadi.

Fatin telah memenangi pertandingan mengarang esei. Fatin berjaya mendapat hadiah sebanyak RM500.00. Fatin berasa gembira.



Devi telah dimarahi oleh bapanya kerana keputusan peperiksaannya semakin merosot. Devi menangis kesedihan. Dia meluahkan perasaan kepada rakan karibnya.



Aktiviti

Berdasarkan bahan, laksanakan aktiviti main peranan.





Pendengar Setia

Nukilan: Hanim Zulaikha

“Ibu perhatikan, sejak akhir-akhir ini, Amira sering termenung. Ada apa-apa yang mengganggu fikiran Amira?”

Amira memandang wajah ibunya dengan perasaan sedih.

“Amira rindu akan kakak. Sejak kakak pergi, Amira benar-benar berasa kesunyian.”

“Ibu faham perasaan Amira tetapi bukankah kakak pergi melanjutkan pelajaran? Amira dan kakak perlu berpisah buat sementara sahaja.”

“Amira faham, ibu. Amira memerlukan masa untuk menyesuaikan diri setelah kakak pergi meninggalkan kita.”

“Betul, ibu setuju. Pada pendapat ibu, walaupun kakak berjauhan dengan kita, masih ada banyak cara untuk kita berhubung dengan kakak. Kita boleh berhubung dengan menggunakan telefon, e-mel dan Instagram.”

“Betul kata ibu. Walaupun kakak berada di seberang laut, kita masih boleh berhubung dengan kakak.”

“Oh, ya! Ibu ada sesuatu untuk Amira. Kakak telah mengirimkan poskad untuk Amira. Baru sebentar tadi ibu terima.”

Amira tersenyum keriang. Wajahnya kembali ceria. “Terima kasih, ibu!”



Aktiviti

Berdasarkan pelbagai bahan yang dibaca, kemukakan maklumat menggunakan laras bahasa yang sesuai.



2.1.4 Menyampaikan maklumat daripada pelbagai bahan yang dibaca dengan laras bahasa yang sesuai.



Menulis

Luahan Hati

Dania tidak terpilih untuk mewakili sekolahnya dalam suatu pertandingan syarahan. Ketika pulang ke kampung, Dania menceritakan perkara tersebut kepada ibu saudaranya.

TEMA
2

Hubungan Kekeluargaan




Saya sudah berlatih dengan bersungguh-sungguh tetapi saya tidak terpilih. Saya berasa sangat **sedih** dan **kecewa**.

Apakah pertandingan yang boleh saya sertai?

Mak ngah ada terbaca satu iklan tentang pertandingan menghias kek pada bulan hadapan. Sekiranya Dania berminat, bolehlah menyertainya.

Mulai sekarang, Dania perlu berlatih dengan bersungguh-sungguh. Mak ngah boleh membimbing Dania cara menghias kek.



Setelah mendengar nasihat daripada ibu saudaranya, Dania mula berasa bersemangat. Dia bertekad untuk menyertai pertandingan yang lain pula. Dia **segera** mendaftarkan namanya untuk menyertai satu pertandingan menghias kek. Dania berlatih dengan bersungguh-sungguh bersama-sama dengan ibu saudaranya. Pada setiap hari, Dania **gigih** berlatih tanpa berasa **jemu**. Di samping itu, ibu dan ayahnya sentiasa memberikan galakan dan semangat kepada Dania.

Dalam pertandingan tersebut, Dania berjaya menghasilkan hiasan kek yang **kreatif** dan **cantik**. Akhirnya, Dania telah menjuarai pertandingan tersebut. Dania berasa **gembira**.

Sewaktu pulang ke kampung, Dania mengucapkan terima kasih kepada ibu saudaranya kerana telah melatih dan memberikan motivasi kepadanya untuk berjaya. Wajah Dania yang **muram** kini menjadi **ceria**.



Aktiviti

1. Berdasarkan gambar, lengkapkan perbualan.
2. Bina ayat menggunakan kata adjektif yang berhuruf tebal.





3.2.1 Membina ayat dengan menggunakan golongan kata.



Penilaian

Perihalkan gambar di bawah.

Ceritakan peranan anggota keluarga dalam membantu remaja menyelesaikan masalah yang dihadapi.





Mendengar dan Bertutur

Kebun Dapur

Aktiviti berkebun merupakan hobi keluarga Nurin. Mereka menanam pelbagai jenis sayur di kebun kecil yang terletak di belakang dapur rumah mereka. Aktiviti bercucuk tanam memberikan manfaat kepada mereka sekeluarga.

TEMA
2


Hubungan Kekeluargaan



1
Memanfaatkan kawasan halaman rumah.



2
Berkongsi hasil tanaman dengan jiran tetangga.



3
Menjimatkan perbelanjaan harian.



Aktiviti

Berdasarkan bahan, nyatakan manfaat bercucuk tanam bersama-sama dengan keluarga.



1.3.1 Menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara.



Nurin Khadijah dan keluarganya telah terlibat dalam Program Pertukaran Pelajar dari negara Jepun. Dia berkongsi pengalaman dengan sahabat penanya.

No. 11, Lorong Anggerik,
Taman Malawati,
45000 Kuala Selangor,
Selangor.

15 Februari 20

Menemui sahabatku, Stephanie yang berada di Singapura, semoga sihat sejahtera hendaknya. Bagi diri saya dan keluarga, baik-baik sahaja.

Saudari,

Tujuan saya menulis surat ini adalah untuk bercerita tentang aktiviti saya dan keluarga. Untuk makluman saudara, baru-baru ini, keluarga saya terlibat dengan Program Pertukaran Pelajar dari negara Jepun ke Malaysia. Seramai dua orang guru dan enam orang pelajar telah terlibat dalam program ini. Program ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan antara Malaysia dengan Jepun menerusi pendidikan.

Keluarga saya terpilih menjadi keluarga angkat kepada dua orang pelajar, iaitu Masako dan Yuriko. Saya berasa sangat teruja untuk menyambut ketibaan mereka berdua. Pelbagai aktiviti telah diatur untuk meraikan mereka sepanjang program tersebut. Antaranya, kami membawa Masako dan Yuriko melawat tapak peninggalan sejarah di Bukit Malawati. Pada sebelah malamnya, mereka dibawa melihat kelip-kelip di Firefly Park Resort. Sebelum berangkat pulang ke Jepun, ayah saya telah menghadiahkan dua pasang baju kurung kepada mereka berdua sebagai kenangan ketika berada di Malaysia.

Sekian dahulu warkah saya pada kali ini. Sampaikan salam saya kepada keluarga saudara. Semoga kita bertemu lagi dalam lembaran yang lain.

Yang ikhlas,
Nurin Khadijah

**Aktiviti**

Baca surat kiriman dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai.





Menulis

Kenangan Manis

Aishah dan keluarga telah menyertai sambutan hari keluarga yang diadakan di kampung. Pelbagai aktiviti telah diadakan bagi mengeratkan hubungan kekeluargaan.

TEMA
2

Hubungan Kekeluargaan



Bermain congkak.



Membakar lemang.

Santai Keluarga



Bermain catur.



Memasak gulai.



Aktiviti

Berdasarkan bahan, bina ayat yang bermakna.



3.2.2 Membina pelbagai ayat yang betul dan bermakna.



Penilaian

A. Berdasarkan gambar, susun huruf agar membentuk perkataan yang betul.

wisa



kulengas



danpan



raise



yamba



dinapu



diben



rungte



B. Baca resipi di bawah dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai.

Sewaktu pulang ke kampung, Elina dan Alisyia terjumpa buku resipi milik nenek mereka. Mereka berdua mahu menyediakan hidangan ayam percik untuk makan malam keluarga mereka dengan menggunakan resipi nenek.

Ayam Percik Madu

Resipi Keluarga

Bahan-bahan

- Seekor ayam dipotong 8
- 3 cawan santan pekat
- 3 sudu besar gula
- 3 sudu besar madu
- 1 sudu besar halba
- garam secukup rasa
- 3 sudu besar cili kisar

Bahan-bahan untuk dikisar

- 5 biji bawang merah
- 3 biji bawang putih
- 3 cm halia, lengkuas dan kunyit
- 5 batang serai

Cara-cara

1. Panaskan minyak. Tumis bahan kisar sehingga naik bau.
2. Masukkan cili kisar, halba, gula dan madu.
3. Masukkan ayam. Masak dengan api yang sederhana. Tambah garam secukup rasa. Biar ayam masak perlahan-lahan sehingga lembut.
4. Selepas 10 minit, masukkan santan dan kacau sehingga kuah ayam masak.
5. Angkat ayam. Letakkan di atas pemanggang atau di dalam ketuhar. Panggang ayam dengan suhu 180°C selama 45 minit.
6. Setelah ayam masak, tuangkan kuah yang dimasak tadi pada ketulan ayam. Hidangkan untuk dimakan.

C. Anda dan keluarga telah terlibat dalam Program Motivasi Keibubapaan. Ceritakan pengalaman anda.



Kos

- _____
- _____
- _____
- _____
- _____
- _____

Peralatan

- _____
- _____
- _____
- _____
- _____
- _____





Mendengar dan Bertutur

Manfaat Masa

Danial mahu mengisi masa lapang bersama-sama dengan keluarganya.



TEMA
2

Hubungan Kekeluargaan



Aktiviti Danial dan Keluarga

Ahad, 9 Februari

1. Menziarahi Pak Long di hospital.

2. Perlawanan bola sepak persahabatan pada pukul 5:00 petang di Padang Majlis Perbandaran.



Aktiviti

Dengar rakaman dengan telitinya. Kemudian, sampaikan maklumat yang disediakan dalam bentuk catatan diari.



1.2.2 Mendengar dan menyalurkan maklumat yang diterima daripada pelbagai sumber dalam pelbagai bentuk.



Lisa menunjukkan risalah pusat riadah yang baru dibuka kepada ibu dan bapanya. Mereka bercadang untuk pergi ke sana.

TEMA
2

Hubungan Kekeluargaan

Mari Beriadah di Kolam Renang Tamarinda

Tidak tahu mahu ke mana setiap kali tiba hujung minggu?

Mari beriadah
di Kolam Renang Tamarinda.
Khusus untuk anda seisi keluarga.

Kemudahan

- Kolam renang terbuka.
- Kolam renang tertutup.
- Kolam renang kanak-kanak.
- Kafeteria dan kedai serbaneka.

Tiket masuk

Dewasa: RM8.00/2 jam.
Kanak-kanak: RM4.00/2 jam.
Pemegang kad OKU:
RM2.00/2 jam.

Waktu operasi

9:00 pagi hingga 6:00 petang.

Khas untuk wanita

Selasa dan Khamis:
4:00 petang hingga 6:00 petang.

**Kolam ditutup pada
setiap hari Isnin**



Peraturan Penggunaan Kolam Renang Tamarinda

- Semua pengunjung dikehendaki mematuhi kod pakaian yang ditetapkan.
- Sila patuhi semua arahan yang diberikan oleh pengawal atau mana-mana kakitangan taman tema yang diberi kuasa demi keselamatan para pengunjung.
- Kanak-kanak di bawah umur dua tahun mesti diiringi oleh orang dewasa.
- Tidak dibenarkan membawa masuk makanan dan minuman.
- Tidak dibenarkan merokok di dalam kawasan taman tema.
- Tidak dibenarkan membuang sampah ke dalam kolam.

**Tindakan akan diambil sekiranya
anda tidak mematuhi arahan.**



Aktiviti

1. Baca bahan. Kemudian, nyatakan maklumat yang terdapat dalam bahan.
2. Apakah langkah-langkah keselamatan yang perlu dipatuhi sewaktu berada di kolam renang?





Menulis

Memori Terindah

Lilian menghadiri majlis perkahwinan bapa saudaranya yang dijalankan mengikut tradisi masyarakat Baba dan Nyonya. Adat perkahwinan Baba dan Nyonya merupakan adat perkahwinan yang unik kerana menggabungkan unsur-unsur kebudayaan Cina dan Melayu.

Dalam majlis tersebut, Lilian melihat pelbagai upacara dalam adat perkahwinan tersebut seperti “Cheo Thao” atau naik sanggul dan minum teh. Lilian berasa gembira kerana dapat melihat sebuah majlis perkahwinan yang mempunyai keunikan tersendiri. Lilian mengucapkan tahniah kepada ibu dan bapa saudaranya yang menjadi pasangan pengantin pada hari tersebut. Lilian mendoakan agar pasangan pengantin hidup bahagia.



Pasangan pengantin Baba dan Nyonya.



Upacara “Cheo Thao” atau naik sanggul.



Upacara minum teh.



Aktiviti

Berdasarkan bahan, bina dialog dengan menggunakan bahasa yang santun.



3.3.1 Menulis untuk menyampaikan maklumat yang tepat menggunakan bahasa yang santun.



Penilaian

Anda dan keluarga telah menyertai aktiviti kemasyarakatan, iaitu membantu golongan gelandangan. Ceritakan pengalaman anda.





Jom Berkomunikasi


A. Lakukan aktiviti di bawah.

Cara permainan

1. Putar roda sehingga berhenti pada nombor tertentu.
2. Ambil sampul surat mengikut nombor yang diperolehi.
3. Jawab soalan yang diberikan.

Tugasan (Sampul satu hingga lapan)

1. Bilakah waktu yang sesuai untuk melakukan aktiviti riadah?
2. Adakah anda menyayangi keluarga anda?
3. Tunjukkan emosi gembira.
4. Sinonim perkataan kenangan.
5. Orang yang diundang untuk menghadiri majlis.
6. Siapakah insan yang paling istimewa dalam hidup anda?
7. Mengapakah kita perlu mengambil berat terhadap keluarga kita?
8. Bagaimanakah remaja harus mengisi masa lapang mereka?



B. Bincangkan kebaikan aktiviti riadah.

Tharsini, saya selalu melakukan aktiviti riadah bersama-sama dengan keluarga saya.

Wah, bagusnya! Apakah aktiviti yang sering kamu lakukan bersama-sama dengan keluarga, Syara?

Pada hujung minggu, kami akan bersenam di taman rekreasi. Kami juga pernah menyertai acara larian amal.

Saya pula pernah berkelah bersama-sama dengan keluarga. Saya berasa sangat gembira. Saya berpendapat, melalui aktiviti sedemikian kita dapat berkongsi masalah dan lebih prihatin sesama anggota keluarga.

Betul kata kamu, Tharsini. Secara tidak langsung, hubungan kekeluargaan bertambah erat.

Tema 3

Masa Lapang

1. Nyatakan tempat-tempat menarik di Malaysia.
2. Mengapakah kita perlu mengekalkan warisan negara?
3. Apakah kebaikan melakukan aktiviti luar?



Mendengar dan Bertutur

Mari Bercuti



Jimmy dan rakan-rakan sedang berbincang tentang tempat-tempat yang unik di Malaysia.

TEMA
3

Masa Lapang



Rumah Agam Cheong Fatt Tze, Pulau Pinang (Cheong Fatt Tze Mansion)

- Terletak di Georgetown, Pulau Pinang.
- Rumah agam ini dianggarkan berusia 130 tahun.
- Memiliki keindahan seni bina “Hakka – Teochew”.
- Telah mendapat pengiktirafan daripada Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO).
- Pernah dijadikan lokasi penggambaran bagi filem Perancis yang bertajuk “Indochine” yang dibintangi oleh Catherine Deneuve.

(Sumber: www.cheongfattzemansion.com)

Pantai Cermin, Selangor

- Diberikan gelaran “Salar De Uyuni” Malaysia.
- Terletak kira-kira 15 minit perjalanan dari Kampung Sasaran, Kuala Selangor.
- Waktu berlaku air surut antara pukul 10:30 pagi hingga 11:00 pagi.
- Tarikan utama ialah aktiviti swafoto dengan pemandangan kawasan beting pasir.

(Sumber: www.mdks.gov.my)





Pasar Terapung Pengkalan Datu, Kelantan

- Dikenali sebagai “Pasar Tani Pelancongan”.
- Dibuka kepada orang ramai pada September 2017.
- Terletak kira-kira 10 kilometer dari bandar Kota Bharu.
- Urusan jual beli barangan dilakukan dari dalam bot.

(Sumber: Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan)



Taman Negara Johor (Tanjung Piai)

- Dikenali sebagai “Penghujung Benua Asia” kerana kedudukannya terletak di tanah paling selatan di benua Asia.
- Memiliki 526 hektar hutan bakau.
- Mempunyai 400 hektar tanah lembut dan berlumpur.
- Kaya dengan pelbagai flora dan fauna.

(Sumber: www.jhornationalparks.gov.my)



Johor



Aktiviti

1. Dengar rakaman audio dengan telitinya.
2. Berdasarkan pelbagai sumber, rancang percutian anda secara berkumpulan.



- 1.2.3 Mendengar dan mendapatkan maklum balas tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber.



Membaca

Indahnya Pulau Mabul

TEMA
3

Masa Lapang

Pulau Mabul merupakan sebuah pulau kecil yang terletak di luar perairan Sabah. Pulau yang terletak kira-kira 26 kilometer dari Semporna itu mengambil masa lebih kurang satu jam dengan menaiki bot laju untuk sampai ke sana, bergantung pada keadaan cuaca. Pulau Mabul menjadi tumpuan pelancong sama ada dari dalam atau luar negara.

Pulau ini dianggap sebagai lokasi fotografi terhebat dunia kerana dikelilingi terumbu karang lembut. Keindahan pulau ini dapat dibuktikan dengan kebiruan air lautnya yang jernih seperti kristal.

Selain itu, Pulau Mabul dianggap istimewa kerana mempunyai pelbagai jenis haiwan marin yang mendiami dasar lautnya. Antara hidupan laut yang boleh ditemukan termasuklah kuda laut, tapak sulaiman eksotik, ikan buaya dan belut laut. Pulau ini juga merupakan satu destinasi pelancongan yang popular terutamanya bagi penggemar aktiviti menyelam skuba.



(Sumber: www.sabahtourism.com)

Nadia mengisi masa lapangnya dengan bercuti bersama-sama dengan keluarganya di Pulau Mabul. Nadia telah menulis catatan harian sewaktu percutian tersebut.

Diari Nadia

Hari pertama

- Menaiki pesawat dari Kuala Lumpur. Tiba di Tawau pada pukul 11:00 pagi.
- Bergerak ke Semporna dengan menaiki teksi dari Lapangan Terbang Tawau.
- Bergerak ke Pulau Mabul pada pukul 12:00 tengah hari.
- Mendaftar masuk di sebuah hotel.
- Menikmati hidangan tengah hari.
- Berjalan-jalan di sekitar Kampung Pulau Mabul.

Hari kedua

- Melihat matahari terbit dan menikmati keindahan pantai.
- Sarapan.
- Membeli cenderamata di persekitaran Water Village Resort.
- Bergambar di Mabul Water Bungalow Resort.
- Mandi laut sambil melihat matahari terbenam.
- Makan malam sambil melihat penyu.
- Rehat dan tidur.

Hari ketiga

- Bertolak ke Tawau dari Semporna pada pukul 9:00 pagi.
- Makan tengah hari.
- Bertolak balik ke Kuala Lumpur.



Aktiviti



2.2.2 Membaca, membuat kesimpulan dan menyampaikan maklumat daripada pelbagai bacaan yang dibaca.



Menulis

Koperasi Pelancongan Sekolah

Lydia dan rakan-rakannya merupakan ahli koperasi sekolah. Mereka ditugaskan untuk menyediakan risalah pakej pelancongan yang ditawarkan oleh koperasi sekolah mereka.

TEMA
3

Masa Lapang



- Penginapan di Pulau Langkawi selama tiga hari dua malam.
- Tiket feri dari Kuala Perlis ke Pulau Langkawi.
- Pakej lawatan ke pulau-pulau sekitar, Pantai Beras Basah, Tasik Dayang Bunting dan Padang Matsirat.
- Harga berpatutan.
- Tempah segera.



Aktiviti

Berdasarkan bahan, sediakan satu risalah bagi mempromosikan pakej pelancongan sekolah anda.





Mendengar dan Bertutur

Hari Kraf Kebangsaan

Pada hujung minggu yang lalu, Sofia dan rakan-rakannya melawat pameran hasil kraf bersempena dengan Hari Kraf Kebangsaan. Di sana, mereka berpeluang untuk melihat pelbagai hasil kraf yang dipamerkan.

TEMA
3

Masa Lapang



Info

Hari Kraf Kebangsaan dianjurkan oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. Antara aktiviti yang diadakan termasuklah jualan produk kraf, pameran dan jualan, demonstrasi kraf dan persembahan kesenian.

(Sumber: www.kraftangan.gov.my)



Aktiviti

1. Berdasarkan gambar, nyatakan jenis-jenis kraf di Malaysia.
2. Pada pendapat anda, apakah kepentingan industri kraf tangan?



1.3.3 Memberi pandangan dengan menggunakan maklumat yang sahih semasa berkomunikasi.



Membaca

Benang Emas

Seni tekat dan sulaman keringkam merupakan warisan kesenian yang mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Kedua-dua hasil kraf tangan ini menggunakan benang emas sebagai bahan utama. Selain dapat mengisi masa lapang, hasil tenunan ini boleh dijadikan sumber pendapatan.

Seni Tekat

Bahan-bahan yang diperlukan:

- benang emas dan benang perak
- gunting
- mempulur
- geligin
- pemidang
- kain baldu
- gam kanji
- jarum
- tali regang

Proses Menekak

1




Lukis bentuk motif di atas kertas keras yang ditindih antara enam hingga lapan helai. Proses ini dinamakan sebagai membentuk mempulur. Bentuk mempulur akan dipotong dan diasingkan.

2



Regangkan pemidang.

3



Sapu gam kanji pada pemidang bagi melekatkan kain baldu.

4



Lilit benang emas pada lima hingga enam kad bagi memudahkan proses melilit benang pada geligin.

5



Jahit berulang-ulang dengan ketat dan kukuh menutupi mempulur. Setiap kali merentas, benang emas disusun rapat-rapat supaya batang mempulur tidak kelihatan.

Seni Keringkam

Bahan-bahan yang diperlukan:


- benang leper emas dan benang leper perak
- jarum leper berlubang dua
- pемidang
- kain kasa rubia
- benang sisi



Cara Sulaman




Sediakan corak dan motif sulaman sebagai sumber rujukan.




Keluarkan keringkam yang telah siap dari pемidang. Gunting dan kemaskan sisi keringkam.



Bentangkan kain kasa rubia pada pемidang dan pastikan urat kain dalam keadaan baik dan sempurna.



Sulam sisi keringkam menggunakan benang sisi.



Sulam dengan mengira urat benang melalui teknik tikam tembus.



Aktiviti

1. Baca bahan dengan telitinya. Kemudian, cari persamaan dan perbezaan kedua-dua kraf tangan tersebut.
2. Berikan pandangan anda tentang keistimewaan seni tekat dan seni keringkam.



2.2.1 Membaca untuk membanding beza dan merumus sesuatu maklumat daripada pelbagai bahan bacaan.



Menulis

Idea Kreatif

Rahimi mahu menyertai pertandingan mewarna batik bersempena dengan Minggu Kraf Tangan. Bantu Rahimi mengisi borang yang disediakan oleh Pusat Kraf Warisan.

TEMA
3

Masa Lapang

Pusat Kraf Warisan Bonda,
No. 14, Jalan Anggerik Merah,
56000 Bandar Tun Razak,
Kuala Lumpur.
No. telefon: 012-12345678
E-mel: pusatkrafwarisan@gmail.com

1. Jenis penyertaan			
Individu		Berkumpulan	
2. Maklumat penyertaan individu			
Nama			
No. kad pengenalan			
Warganegara			
Nama dan alamat sekolah			
No. telefon sekolah			
No. telefon bimbit			
E-mel			
3. Lengkapkan ayat di bawah.			
Saya/kami mahu menyertai pertandingan ini kerana.....			
.....			
.....			
(tidak lebih daripada 30 patah perkataan)			

4. Pengesahan penyertaan

Saya mengaku bahawa segala maklumat yang diberikan adalah benar.

Nama: _____

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Untuk kegunaan pejabat:



Lengkapkan maklumat dalam borang penyertaan. Kemudian, kirimkan borang melalui e-mel kepada Pusat Kraf Warisan.

Aktiviti





Penilaian

- A. Hani berbakat dalam seni gubahan. Berdasarkan bakat dan kreativiti yang dimiliki, Hani dapat menyediakan seni gubahan bunga sebagai hobi yang dapat menambahkan pendapatannya. Pada pendapat anda, adakah hobi Hani ini dapat membantu dia menjadi usahawan yang berjaya? Bincangkan.



Hari Ibu/Hari Bapa.



Hari Guru.



Majlis pelancaran.



Majlis konvokesyen.



Majlis pertunangan/perkahwinan.

B. Anda dan rakan-rakan diminta menghasilkan kraf tangan daripada bahan terbuang. Ceritakan proses penghasilan kraf tangan tersebut.

1



Sediakan botol kaca, berus, serbuk berkilat, acuan kertas dan butang.

2



Sapukan gam di seluruh permukaan botol.

3



Tabur serbuk berkilat di sekeliling botol.

4



Lipat permukaan acuan kertas menjadi bentuk bunga.

5



Lekatkan sebiji butang di tengah-tengah bunga yang dibentuk.

6



Hiasi botol dengan bunga yang disediakan.





Mendengar dan Bertutur

Pandu Arah

Johan dan David sedang mendengar taklimat mengenai pertandingan pandu arah yang disampaikan oleh seorang jurulatih.



IMBAS SAYA

Johan: Selamat pagi, Encik Hafiz.

Encik Hafiz: Selamat pagi. Kamu dan rakan-rakan sudah bersedia?

Johan: Ya, Encik Hafiz. Kami ingin mendengar taklimat terlebih dahulu. Kami harap, Encik Hafiz dapat menerangkan pertandingan ini kepada kami.

Encik Hafiz: Pertandingan ini ialah sejenis pertandingan yang menggunakan peta dan kompas yang mirip kepada permainan mencari harta karun.

David: Sudah tentu pertandingan ini menarik. Apakah yang perlu dicari oleh para peserta?

Encik Hafiz: Dalam pertandingan ini, peserta dikehendaki mencari beberapa titik kawalan yang diletakkan di sesuatu kawasan tertentu. Peserta yang menemukan semua titik kawalan dan sampai di garisan penamat dalam masa yang paling singkat dikira sebagai pemenang.

Johan: Terima kasih atas penerangan tersebut, Encik Hafiz.

Encik Hafiz: Sama-sama.



Aktiviti

Dengar dan teliti bahan yang dipaparkan. Kongsikan maklumat tersebut dengan rakan anda dengan menggunakan pelbagai media.



1.3.2 Menyampaikan maklumat yang tepat tentang sesuatu perkara dengan menggunakan pelbagai media.



Membaca

Cari Sasaran

Raja Iskandar Zulkarnain meminati sukan memanah. Dia bercita-cita untuk menyertai pertandingan memanah yang akan berlangsung di sekolahnya. Oleh hal yang demikian, dia berhasrat menyertai latihan memanah yang disediakan oleh Kelab Memanah Karisma.



Sertai Kelab Memanah Karisma

Belajar Memanah

- Terbuka kepada remaja berusia 13 – 18 tahun.
- Peralatan disediakan.
- Jurulatih bertauliah.
- Modul berstruktur.



Maklumat Program


Tempat: Padang SMK Taman Meranti.
Masa latihan: 1 jam 30 minit.
Tempoh program: 4 kali sebulan.

Yuran pendaftaran RM30.00
Yuran bulanan RM50.00

Hubungi: Cik Syara 013-12345678

Jadual pengiraan markah pertandingan memanah

Nama		No. Pemanah			
Pasukan		A			
Tarikh					Jarak
		Skor			Jumlah
Pusingan 1					
Pusingan 2					
Pusingan 3					
Tandatangan pencatat	Tandatangan pemanah	Tandatangan hakim			



Petunjuk

Putih: 1 dan 2
Hitam: 3 dan 4
Biru: 5 dan 6
Merah: 7 dan 8
Kuning: 9 dan 10



Laporan Pertandingan Memanah Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Meranti

Tarikh: 25 Mac 20

Masa: 8:00 pagi – 5:00 petang

Tempat: Padang Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Meranti

Bertempat di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Meranti, satu pertandingan memanah peringkat sekolah bagi murid-murid berkeperluan khas telah diadakan. Pertandingan ini terbahagi kepada dua bahagian, iaitu kategori lelaki dan perempuan.

Objektif pertandingan ini diadakan adalah untuk mencari bakat-bakat baharu, terutama pemanah yang berumur antara 13 hingga 15 tahun (Kategori Junior) dan antara 16 hingga 19 tahun (Kategori Senior). Pertandingan ini juga diadakan bagi menarik minat murid-murid berkeperluan khas.

Hakim undangan telah diundang bagi mengadili pertandingan ini. Dalam pertandingan ini, sebanyak 35 panahan telah berjaya dilakukan oleh murid-murid. Murid-murid berasa gembira kerana berpeluang menonjolkan bakat mereka.

Disediakan oleh,

Amiza

(AMIZA BINTI AHMAD)

Setiausaha,

Kelab Memanah SMK Taman Meranti.



Aktiviti

Berdasarkan bahan, baca dan fahami maklumat yang disediakan.



2.1.2 Membaca untuk mendapatkan maklumat yang terdapat dalam pelbagai bahan.



Menulis

TEMA
3

Menerokai Alam

Melisa sangat suka menyertai aktiviti luar. Dia telah menyertai satu ekspedisi menerokai keindahan alam sekitar yang dianjurkan oleh Kelab Pencinta Alam di sekolahnya.

Aktiviti luar seperti menerokai alam sekitar dan mendaki **sungai** memberikan **keburukan** kepada kita. Kita dapat menikmati keindahan **pantai** dan fauna yang **kotor**. Kita juga dapat memupuk semangat berpasukan ketika melakukan aktiviti tersebut. Malah, aktiviti sebegini dapat membina fizikal dan mental yang **rapuh**. Aktiviti menerokai alam sekitar dapat mendidik murid-murid agar memelihara khazanah **udara** untuk diwarisi oleh generasi pada masa hadapan.



Aktiviti

Betulkan kesalahan kata yang berhuruf tebal, kemudian tulis semula.





Penilaian

Berdasarkan bahan, hasilkan catatan anda tentang aktiviti rekreasi dengan betul-betul dan kreatifnya.

7:00 pagi


Bertolak ke Gua Tempurung.



**GUA
TEMPURUNG**

8:00 pagi

Mendengar taklimat daripada Encik Hassan, pegawai yang akan mengetuai aktiviti pada hari tersebut.



TEMA
3

Masa Lapang



8:30 pagi

Memulakan penjelajahan.



10:00 pagi

Meneruskan perjalanan ke kawasan gua yang lebih mencabar.



2:00 petang

Selesai meneroka gua, kami berehat dan makan tengah hari sebelum berangkat pulang. Walaupun penat, kami tetap berasa seronok.



Jom Berkomunikasi

Sukan lasak merupakan aktiviti yang boleh dilakukan bagi mengisi masa lapang. Namun begitu, terdapat beberapa peraturan keselamatan yang tidak dipatuhi oleh individu dalam gambar di bawah. Kenal pasti kesalahan tersebut dan bincangkan.



Tema 4

Hidup Bermasyarakat



1. Apakah usaha anda dalam memupuk semangat perpaduan?

2. Bagaimanakah elemen kebudayaan dapat memperkukuh perpaduan di Malaysia?

3. Nyatakan adat resam dan pantang larang masyarakat Malaysia yang anda tahu.



Mendengar dan Bertutur

Pesta Rakyat di Sabah dan di Sarawak

Shanti melayari Facebook dalam laman sosial. Rakan karibnya, Janet telah memuat naik gambar pesta rakyat di Sabah dan di Sarawak.



Melakut Karat


- Melakut karat merupakan permainan tradisional kaum Iban.
- Melakut karat merupakan permainan menarik dan menolak kayu yang dimainkan oleh kaum lelaki sahaja.

Sarawak



Pisa Tibow

- Permainan tradisional kaum Melanau Sarawak.
- Permainan ini diadakan ketika menyambut musim buah.



Tumutu

- Tumutu merupakan permainan tradisional kaum Kadazandusun di Sabah.
- Permainan ini menguji ketangkasan dalam memproses padi dengan cara mengasingkan biji padi daripada tangkai padi.


Sabah



TEMA
4

Hidup Bermasyarakat



Momolisitik

Momolisitik atau dikenali sebagai lastik merupakan permainan yang digemari oleh kaum Kadazandusun.



IMBAS SAYA

(Sumber: www.jkkn.gov.my)



Aktiviti

1. Dengar rakaman audio dengan telitinya.
2. Berdasarkan bahan, berikan pandangan anda tentang pesta rakyat di Sabah dan di Sarawak.



- 1.2.3 Mendengar dan mendapatkan maklum balas tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber.



Rampanau

Robert dan keluarganya mengikuti Program Hari Sukan Rakyat yang dianjurkan oleh Persatuan Belia Ranau. Robert berkongsi pengalamannya dalam Facebook tentang satu sukan rakyat, iaitu sukan rampanau.

Rampanau merupakan sukan rakyat yang popular dalam kalangan masyarakat Dusun di Daerah Tambunan, Keningau, Ranau dan beberapa daerah lagi di Sabah. Pada zaman dahulu, rampanau digunakan untuk menyeberang sungai dan parit. Pada masa sekarang, rampanau telah menjadi satu acara tradisi yang sering dimainkan semasa Pesta Kaamatan dan pada masa lapang.

Rampanau diperbuat daripada dahan pohon sagu, kayu keras dan dua batang buluh. Ukuran ketinggian rampanau bergantung pada usia dan umur pemainnya. Peserta perlu meletakkan kaki dan menaiki batang buluh yang direka khas sebagai kasut tinggi. Peserta perlu mengimbangkan badan bagi mengelakkan diri daripada terjatuh.



Peraturan Pertandingan Rampanau

- Pertandingan ini terbuka kepada lelaki dan wanita mengikut kategori umur.
- Jarak larian bergantung pada jantina dan umur.
- Semua peserta mestilah berada di atas kaki kayu dari mula berlari hingga akhir.
- Peserta yang jatuh daripada kayu semasa berlari mestilah menaiki rampanau semula sebelum meneruskan larian.
- Peserta yang jatuh sebanyak tiga kali dalam satu larian akan dikira kalah.
- Ketinggian kaki kayu mestilah seragam mengikut kategori dan umur peserta.
- Peserta yang sampai paling awal di garisan penamat dianggap sebagai pemenang.



TEMA
4

Hidup Bermasyarakat



(Sumber: <https://pemetaanbudaya.my>)



Berdasarkan bahan, kongsi kan maklumat yang dibaca dengan rakan anda.

Aktiviti



2.1.3 Membaca dan menyampaikan maklumat yang diperolehi daripada bahan bacaan.



Menulis

Seni Gendang



Adlin dan Puspa menyertai lawatan program merakyatkan seni budaya. Pelbagai jenis alat muzik tradisional dipamerkan.

Alat Muzik Genderang

TEMA 4

Hidup Bermasyarakat



Rebana ubi merupakan alat muzik kaum Melayu. Alat muzik ini dimainkan semasa upacara istiadat, perkahwinan dan persembahan. Rebana ubi dimainkan dengan cara dipukul dengan pemalu.



Gendang shigu ialah alat muzik kaum Cina. Alat ini digunakan untuk mengiringi tarian singa, upacara rasmi, perayaan dan persembahan. Gendang shigu dimainkan dengan menggunakan dua batang tongkat pemukul.



Tabla merupakan alat muzik kaum India. Alat ini digunakan semasa mengiringi nyanyian, tarian dan muzik instrumental. Tabla dimainkan secara duduk dengan dipalu menggunakan tangan.

(Sumber: www.jkkn.gov.my)



Aktiviti

Berdasarkan bahan, tulis maklumat dalam bentuk infografik.





Mendengar dan Bertutur

Adab Makan

Arisa menonton rancangan bual bicara bertajuk “Adab Makan”.

Encik Lim: Salam sejahtera dan selamat datang diucapkan kepada panel bual bicara pada kali ini.

Encik Fikri: Terima kasih.

Puan Kavitha: Terima kasih.

Encik Lim: Apakah amalan adab makan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara kita?

Encik Fikri: Amalan adab makan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara kita tidak jauh berbeza. Semuanya mengamalkan adab makan yang bersopan.

Encik Lim: Apakah persamaan amalan adab makan antara kaum Melayu, Cina dan India?

Puan Kavitha: Persamaan adab makan antara kaum Melayu, Cina dan India termasuklah menjemput dan mendahulukan orang yang lebih tua untuk makan, tidak banyak bercakap ketika makan dan tidak berebut-rebut ketika makan.



Aktiviti

Bincangkan adab makan pelbagai kaum di Malaysia.



1.4.1 Berbincang dan bersoal jawab menggunakan amalan komunikasi berkesan.



Membaca

Bicara Berirama

Bersempena dengan Karnival Bulan Bahasa, Kelab Remaja Taman Seroja telah menganjurkan pertandingan bicara berirama. Tema pertandingan bicara berirama tersebut ialah Bahasa Akal Budi Kita. Arissa, Mei Ling dan Puspa membuat persediaan untuk pertandingan tersebut.



IMBAS SAYA

Segmen 1 (Memberikan salam)

1. (SR) Salam sejahtera dan salam perpaduan. Kami Kelab Remaja Taman Seroja akan mempersembahkan bicara berirama yang bertajuk “Amalan Berbudi Bahasa”.
2. (SS) Baiklah, hari ini kita akan belajar tentang amalan berbudi bahasa dalam masyarakat.
3. (SR) Budi bahasa ... apa, cikgu?
4. (SS) Budi bahasa itu ialah perlakuan adab sopan dan berpekerti mulia.
5. (SR) Ooo ... baru tahu!
6. (SS) Siapakah yang boleh beritahu cikgu contoh amalan berbudi bahasa?
7. (SS) Memberikan salam, cikgu.
8. (SS) Assalamualaikum.
9. (SS) Salam sejahtera.
10. (SS) Ni hao ma.
11. (SS) Vanakam.

Segmen 2 (Hormat-menghormati)

12. (SS) Baik, apa lagi contoh amalan berbudi bahasa?
13. (SS) Menghormati orang tua, cikgu!
14. (SS) Hormat-menghormati amalan mulia.
15. (SS) Kalau diri ingin dihormati, belajarliah menghormati orang lain.
16. (SS) Yang tua dihormati, yang muda disayangi.
17. (SR) Barulah hidup aman dan harmoni.
18. (SS) Menghormati orang tidak mengira bangsa, kaum, agama, darjat, harta dan pangkat.
19. (SR) Betul!
20. (SS) Adab sopan membentuk insan yang cemerlang.
21. (SS) Wah, pandainya murid cikgu!
22. (SR) Mestilah. Berkat didikan cikgu.

TEMA
4

Hidup Bermasyarakat

Segmen 3 (Budi bahasa)

23. (SS) Bolehkah saya bertanya, cikgu?
24. (SS) Mengapakah bahasa melambangkan bangsa?
25. (SS) Setiap bangsa ada bahasanya. Jika buruk bahasa, hinalah bangsa di mata dunia.
26. (SR) Ooo ...
27. (SS) Oleh itu, berbudi bahasa menjadi kebanggaan masyarakat kita. Faham semua?
28. (SR) Faham, cikgu.
29. (SR) Sekian sahaja persembahan kami. Izinkan kami mengundur diri. Apa-apa yang dikata sematkan di hati, supaya menjadi panduan diri.

Petunjuk:

SS – suara solo

SR – suara ramai



Undangan untuk menyertai

Pertandingan Bicara Berirama

Anjuran: Kelab Remaja Taman Seroja

Tempat: Dewan Kenanga, Taman Seroja

Tarikh: 24 Ogos 2011

Masa: 8:00 pagi hingga 5:00 petang

Tema: Bahasa Akal Budi Kita

Penyertaan terbuka kepada semua ahli kelab remaja.

Syarat pertandingan:

12 orang dalam setiap kumpulan.



Aktiviti



2.1.4 Menyampaikan maklumat daripada pelbagai bahan yang dibaca dengan laras bahasa yang sesuai.



Menulis

Adab Perkahwinan Kaum Melayu

Budi bahasa dalam adab perkahwinan kaum Melayu.

TEMA
4

Hidup Bermasyarakat



- ✓ Adat merisik dan melamar diadakan sebelum pertunangan.
- ✓ Kedua-dua belah pihak akan berbalas pantun untuk menyampaikan hasrat peminangan.
- ✓ Majlis pertunangan diadakan setelah pihak perempuan bersetuju untuk menerima lamaran.
- ✓ Barang-barang hantaran biasanya disediakan dalam bilangan ganjil.
- ✓ Majlis perkahwinan dimulakan dengan upacara akad nikah dan diikuti dengan majlis persandingan.

(Sumber: www.jkkn.gov.my)



Pucuk pauh di tepi permatang,
Buah berangan rasanya lazat;
Dari jauh kami datang,
Datang dengan seribu hajat.

Dedalu memanjat pohon ara,
Nampak cantik berseri laman;
Besar hajat tidak terkira,
Hendak memetik bunga di taman.

Pokok bidara daun sehelai,
Bungkus bekalan letak di bucu;
Senyum gembira kedua-dua mampelai,
Semoga berkekalan ke anak cucu.

**Aktiviti**

3.3.1 Menulis untuk menyampaikan maklumat yang tepat menggunakan bahasa yang santun.



Penilaian

Susun huruf menjadi perkataan yang betul berdasarkan kod rahsia di bawah. Kemudian, bina ayat menggunakan bahasa yang santun.

TEMA 4

Hidup Bermasyarakat

1 a	2 d	3 c	4 h	5 j	6 b	7 e	8 g	9 m	10 n
11 y	12 l	13 i	14 o	15 t	16 k	17 p	18 r	19 s	20 u
21 q	22 v	23 w	24 x	25 f	26 z				

Contoh:

q	7	12	l	q	l	18
m	e	l	a	m	a	r

3	l	10	15	13	16

q	7	18	13	19	13	16

20	17	l	3	l	18	l

q	7	10	7	18	13	q	l

4	l	10	15	l	18	l	10



Mendengar dan Bertutur

Muafakat Membawa Berkat

Penduduk Kampung Sentosa mengamalkan budaya muafakat membawa berkat. Asraf, Ravi dan Ah Ming merupakan Ahli Jawatankuasa Kebajikan Penduduk Kampung Sentosa. Mereka sangat prihatin dan mengambil berat tentang kebajikan penduduk. Mereka bercadang untuk menziarahi seorang penduduk kampung yang sakit.

Esok kita akan pergi ke rumah Mak Limah. Saya dimaklumkan bahawa Mak Limah sedang sakit.

Apakah yang perlu kita bawa semasa berkunjung ke rumah Mak Limah?

Kita ada tabung kebajikan. Saya cadangkan kita memberikan buah tangan dan menghulurkan sedikit sumbangan kewangan.

**Aktiviti**

Berdasarkan bahan, kongsi maklumat tentang fungsi ahli jawatankuasa kebajikan di tempat tinggal anda.



1.4.3 Berkongsi dan bertukar maklumat yang sahih dalam komunikasi.



Hidup Dikandung Adat

Skrip drama ini mengisahkan zaman pemerintahan Sultan Mansur Syah pada kurun ke-15. Seorang puteri dari negara China yang bernama Li Po telah dijadikan isteri baginda. Drama ini bertemakan kegigihan Puteri Hang Li Po menyesuaikan diri dengan kehidupan di istana.



Babak 1

(Taman Larangan)

Puteri Li Po menjamah buah-buahan yang diberikan oleh dayang-dayangnya.

Dang Wangi: Silalah makan buah-buahan ini, tuanku.

Puteri Li Po: Dayang, mengapakah buah ini rasanya masam?

Dang Wangi: Ini buah mempelam, tuanku.

Puteri Li Po: Dayang semua, makanlah buah-buahan ini.

Dang Wangi: Ampun tuanku, beribu-ribu ampun. Sembah patik harap diampun. Adat melarang dayang-dayang makan buah yang belum dijamah oleh tuanku.

PERIGI RAJA

PERIGI RAJA IALAH PERIGI YANG TERTUA DI SEMANANJUNG MALAYSIA. IANYA TELAH DIGALI ATAS PERENJAH SULTAN MANSOR SHAH SULTAN MELAKA (1458-1477), UNTUK ISTERINYA SAORANG PUTERI DARI NEGERI CHINA, HANG LI POH. PERIGI BAJA INI DISEBUT JUGA PERIGI HANG LI POH ATAU PERIGI SAM POH. PERIGI INI TERLETAK DIPINGGIR BUKIT CHINA. AIR PERIGI INI BERSIH DAN BOLEH DIMINUM SERTA TIDAK PERNAH KERING. MENURUT CERITA LEGENDA, SESIAPA MEMINUM AIR DARI PERIGI INI MEREKA AKAN BALIK SAMULA KE MELAKA.

PADA TAHUN 1561, ASKAR ASKAR DARI JOHOR TELAH MENARUH RACUN KE DALAM PERIGI INI DISEBABKAN ITU 200 ORANG PORTUGIS TELAH MATI. PADA TAHUN 1606 BELANDA PULA MEMBURUH RACUN, DIKUTI PULA ACHEH DALAM TAHUN 1628-1629.

SATELAH BELANDA DAPAT MENAKLUKI MELAKA, MEREKA SEDAR AKAN KEPENTINGAN PERIGI INI DAN TELAH MENDIRIKAN KOTA KECIL, LENGKAP DENGAN MARIAM SEKELILING PERIGI INI DAN RUMAH RUMAH PENJAGA SUPAYA PERIGI INI TIDAK DAPAT DI BUBUH RACUN. PADA MASA PEMERENTAHAN INGGERIS, PERIGI INI TIDAK DIPEDULIKAN DAN RUMAH RUMAH PENJAGA DISEKITARNYA RUNTUH.

Babak 2

(Balai penghadapan Istana Melaka)
Laksamana Hang Jebat dan Bendahara Tun Perpatih Putih diarahkan menghadap Sultan Mansur Syah.

Tun Perpatih Putih: Ampun tuanku,
beribu-ribu ampun.
Sembah patik harap diampun.

Sultan Mansur Syah: Bendahara dan Laksamana, beta hendak menganugerahkan gelaran “Hang” kepada Puteri Li Po.

Hang Jebat: Mengapakah tuanku berpendapat Puteri Li Po layak menerima gelaran ini?

Sultan Mansur Syah: Puteri Li Po berjaya mengharungi dugaan dan cabaran untuk menyesuaikan diri di Melaka.

Tun Perpatih Putih: Ampun tuanku. Molek benar penganugerahan itu.

Keesokan harinya, Hang Jebat dan Tun Perpatih Putih menghadap Puteri Li Po di bilik tetamu istana. Mereka memaklumkan Sultan Mansur Syah akan menganugerahkan gelaran “Hang” kepada Puteri Li Po. Oleh itu, Puteri Li Po perlu menghadiri majlis penganugerahan tersebut.

Puteri Hang Li Po hidup bahagia bersama-sama dengan Sultan Mansur Syah dan belajar adat istiadat serta kebudayaan Melayu. Terbukti perkahwinan Puteri Hang Li Po dengan Sultan Mansur Syah berjaya menjalinkan hubungan dua negara yang berlainan budaya dan bangsa.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Kong Yuanzi. “Hang Li Po: Ode Persahabatan Kedua-dua Bangsa China-Malaysia” dlm. *Jurnal Universiti Kebangsaan Malaysia*, hlm. 179-187, Ogos 2001.)



Aktiviti

Baca dengan telitinya. Kemudian, dapatkan maklumat daripada pelbagai bahan tentang Puteri Hang Li Po.



2.1.2 Membaca untuk mendapatkan maklumat yang terdapat dalam pelbagai bahan.



Menulis

Pertandingan Seni Budaya

Persatuan Belia Taman Mutiara Salak akan menganjurkan Pertandingan Seni Budaya. Encik Anuar selaku setiausaha mengundang YBhg. Dato' Sharom bin Salleh, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dengkil untuk merasmikan Pertandingan Seni Budaya tersebut.

Persatuan Belia Taman Mutiara Salak,
Jalan 3/4, Taman Mutiara Salak,
43900 Sepang,
Selangor Darul Ehsan.

YBhg. Dato' Sharom bin Salleh,
ADUN Dengkil,
No. 25, Jalan Kasturi I,
43900 Sepang,
Selangor Darul Ehsan.

Tarikh: 16 Mac 20

YBhg. Dato',

UNDANGAN MERASMIKAN PERTANDINGAN SENI BUDAYA

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Persatuan Belia Taman Mutiara Salak akan **berada** Pertandingan Seni Budaya pada 22 Mei 20 . Tujuan pertandingan ini **sejalan** adalah untuk mencungkil bakat dan merapatkan **hubungan** mesra antara kaum.
3. Sehubungan dengan itu, pihak kami **terbesar** hati mengundang YBhg. Dato' untuk merasmikan majlis tersebut. Bersama-sama dengan surat ini **selampir** tentatif program untuk rujukan YBhg. Dato'.
4. Kehadiran YBhg. Dato' untuk **dirasmikan** majlis tersebut amatlah dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

Anuar

(ANUAR BIN AZMI)

Setiausaha,

Persatuan Taman Mutiara Salak.

Program pertandingan seni budaya.

Contoh:

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dengkil dirasmikan oleh Pertandingan Seni Budaya

Pertandingan Seni Budaya dirasmikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dengkil.

1. warisan pelbagai Terdapat menu dalam. kenduri rakyat itu

2. menarik. dikir barat pada malam itu Persembahan sangat

3. penduduk taman dipamerkan. Hasil kerja oleh kreatif tangan turut

4. mewarna yang enam hingga 12 tahun Pertandingan melukis dan kategori kanak-kanak berumur juga diadakan.

5. Kelab oleh Remaja Taman Senang Seni Tari ditarikan Malaysia Seroja.

6. congkak diadakan pada hari tersebut. Pertandingan turut



Aktiviti

Berdasarkan bahan:

1. Betulkan kesalahan imbuhan.
2. Susun perkataan supaya menjadi ayat yang betul.



3.3.2 Mengedit hasil penulisan.



Jom Berkomunikasi

Pantang larang ialah perbuatan, kepercayaan dan lain-lain yang terlarang dilakukan menurut adat atau kepercayaan bagi sesetengah kaum yang biasanya disampaikan menggunakan makna tersirat. Ceritakan pantang larang yang anda tahu.

TEMA
4

Hidup Bermasyarakat



Orang Melayu

Pantang larang

Jangan duduk di atas bantal.

Pengajaran

Perbuatan duduk di atas bantal adalah kurang sopan kerana bantal ialah alas kepala ketika tidur.

Orang Cina

Pantang larang

Pisau tidak boleh diberikan sebagai hadiah.

Pengajaran

Pisau bukanlah barang yang sesuai untuk dijadikan hadiah kerana pisau merupakan senjata yang bahaya.



Orang India



Pantang larang

Jangan tinggalkan bayi bersendirian sewaktu hujan lebat.

Pengajaran

Hujan lebat dan guruh menyebabkan bayi terkejut dan berasa takut jika ditinggalkan oleh ibunya.

(Sumber: www.jkkn.gov.my)

Tema 5

Orang Kurang Upaya (OKU)



1. Nyatakan tokoh Orang Kurang Upaya (OKU) yang anda tahu.
2. Apakah peranan kita kepada golongan OKU?
3. Bagaimanakah golongan OKU dapat memberikan sumbangan kepada negara?



Mendengar dan Bertutur

Bantu OKU

Seminar Bantu OKU telah diadakan di Dewan Orang Ramai Taman Melati. Encik Saleh bin Yusof, selaku pengerusi taman telah menganjurkan taklimat tentang peranan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).



IMBAS SAYA



Persekutuan Orang Pekak Malaysia (Malaysian Federation of the Deaf)

Persekutuan Orang Pekak Malaysia (MFD) telah dipilih oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sebagai salah satu NGO yang ditadbirkan oleh OKU pendengaran. NGO ini telah terpilih untuk menjadi penguasa taska OKU oleh Kerajaan Malaysia di bawah peruntukan belanjawan 2013. Taska tersebut ialah Taska Istika Jaya yang terletak di Menara KLH Bandar Puchong Jaya, Selangor. Taska Istika Jaya ini berperanan untuk

memberikan penjagaan, menyediakan Program Intervensi Awal dan Kemahiran Berdikari supaya perkembangan kanak-kanak dapat dicapai ke tahap optimum.

Antara program yang dijalankan:

- Perkembangan fizikal.
- Perkembangan bahasa.
- Perkembangan kognitif.
- Perkembangan sosioemosi.
- Terapi pertuturan.
- Kelas Bahasa Isyarat Malaysia (BIM).





Persatuan Orang-orang Cacat Anggota Malaysia

Persatuan Orang-orang Cacat Anggota Malaysia (POCAM) terdiri daripada mereka yang berumur antara 18 hingga 60 tahun. Persatuan ini memainkan peranan penting untuk membantu anggota persatuan membina keyakinan diri dalam menceburi bidang yang diminati.

Antara dasar dan tujuan POCAM:

- Membangkitkan semangat perpaduan dalam kalangan ahli.
- Berikhtiar untuk memperbaiki keadaan jasmani, sosial dan ekonomi orang-orang cacat anggota.
- Membantu orang-orang cacat anggota dalam pelajaran, pekerjaan dan penempatan semula dalam masyarakat.
- Bergabung dengan pertubuhan lain di Malaysia yang mempunyai dasar dan tujuan yang sama.
- Menganjurkan acara sukan, sosial dan lain-lain demi faedah orang cacat anggota.



Aktiviti

Dengar rakaman dengan telitinya. Lakukan simulasi tentang peranan NGO.



I.I.I Mendengar dan menyampaikan semula maklumat yang diterima dengan betul dan tepat.



Membaca

Bengkel Seri Harapan Insan Istimewa

Malini seorang OKU telah menghadiri temu duga terbuka yang dianjurkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Tujuan Malini menghadiri temu duga tersebut adalah untuk mengikuti latihan kemahiran yang disediakan oleh NGO.

TEMA
5

Orang Kurang Upaya (OKU)

NGO A

**Daftar
sekarang**

Elaun pelatih
RM400.00 sebulan

Latihan kemahiran yang ditawarkan:

1. Penanaman.
2. Penternakan.
3. Melipat sampul surat.

Syarat kemasukan:

- Warganegara Malaysia.
- Mempunyai kad OKU.
- Boleh membaca, mengira dan menulis.

Cara memohon:
<http://latihan.poku.my>

NGO B



- Elaun pelatih RM750.00 sebulan.
- Makan, minum dan asrama disediakan.



Latihan kemahiran yang ditawarkan:

1. Jahitan pakaian lelaki dan wanita.
2. Teknologi maklumat.
3. Pembungkusan.
4. Pencetakan.

**Daftar
sekarang**

Syarat kemasukan:

- Warganegara Malaysia.
- Mempunyai kad OKU.
- Boleh membaca, menulis dan mengira.

- * Calon yang layak akan ditawarkan peluang pekerjaan oleh 20 majikan.
- * Pengangkutan disediakan.



Aktiviti

1. Baca dengan telitinya, kemudian cari persamaan dan perbezaan tawaran antara NGO A dengan NGO B.
2. Berdasarkan pelbagai bahan, nyatakan tawaran yang menjadi pilihan anda. Mengapa?





Menulis

Sukarelawan

Saliha seorang OKU masalah pendengaran. Beliau mendapat maklumat berkaitan dengan iklan yang memerlukan sukarelawan untuk membantu golongan kurang bernasib baik. Beliau ingin menyertainya dan telah menghantar resume dalam talian.



Saliha binti Johari

No. Kad Pengenalan: 961002-10-5646.
Jantina: Perempuan.
Umur: 24 tahun.
Agama: Islam.
Bangsa: Melayu.
Status: Bujang.
Alamat: No. 12, Jalan 4/5,
Taman Dahlia,
91000 Tawau, Sabah.

Pendidikan

	Tahun
i. Sijil Pelajaran Malaysia.	2013
ii. Sijil Kemahiran Malaysia.	2014 hingga 2015.
iii. Diploma Seni Kulinari.	2015 hingga 2016.

Pengalaman

	Tahun
Bekerja di pusat kecantikan.	2018 sehingga kini.

BORANG KEANGGOTAAN SUKARELAWAN

Butiran Pemohon

Nama:	
No. Kad Pengenalan: Tarikh Lahir: Umur:	
Jantina: Lelaki <input type="checkbox"/> Perempuan <input type="checkbox"/>	
Bangsa: Melayu <input type="checkbox"/> India <input type="checkbox"/> Cina <input type="checkbox"/> Lain-lain (nyatakan): _____	
Agama: Islam <input type="checkbox"/> Buddha <input type="checkbox"/> Kristian <input type="checkbox"/> Hindu <input type="checkbox"/> Lain-lain: _____	
Taraf Pendidikan: Ijazah <input type="checkbox"/> Diploma <input type="checkbox"/> Sijil <input type="checkbox"/> Lain-lain: _____	
Alamat:	
No. Telefon:	
Golongan yang ingin dibantu Tandakan (✓)	
Kanak-kanak <input type="checkbox"/> Orang miskin <input type="checkbox"/>	
Warga tua <input type="checkbox"/> Remaja/Juvana <input type="checkbox"/>	
OKU <input type="checkbox"/> Wanita <input type="checkbox"/>	
Keluarga <input type="checkbox"/> Komuniti <input type="checkbox"/>	
Lain-lain (nyatakan): _____	
Waris yang perlu dihubungi jika berlaku kecemasan. No. Telefon: _____	

TEMA
5

Orang Kurang Upaya (OKU)



Aktiviti

Berdasarkan pelbagai bahan, lengkapkan borang keahlian sukarelawan dan sediakan resume anda.



3.1.1 Menulis maklumat yang diperlukan dalam pelbagai bahan.



Penilaian

Untuk mengetahui bentuk bantuan yang diberikan oleh NGO di bawah, anda hendaklah menulis huruf sebelum huruf yang tercatat. Bina ayat berdasarkan perkataan.

a b c d e f g h i j k l m n o p q r s t u v w x y z

Cara mengecam huruf

- Sebelum huruf "b" ialah huruf "a". Sebelum huruf "c" ialah "b" ...

Contoh:

l	v	s	t	v	t
k	u	r	s	u	s

1.

u	f	s	b	q	j

2.

c	s	b	j	m	m	f

3.

l	f	s	v	t	j

s	p	e	b

4.

l	b	l	j

q	b	m	t	v

5.

t	q	j	o	b

c	j	g	j	e	b



Temu Duga Kerjaya
untuk OKU



Mendengar dan Bertutur

Nancy merupakan OKU masalah penglihatan. Beliau menerima panggilan telefon untuk menghadiri temu duga kerjaya sebagai jururefleksologi di Setapak, Kuala Lumpur.



TEMA
5

Orang Kurang Upaya (OKU)



Selamat pagi, boleh saya bercakap dengan Nancy?

Ya, saya.

Saya, Azhar dari Syarikat Sinar Mega ingin memaklumkan bahawa saudari telah terpilih untuk menghadiri temu duga di syarikat kami pada minggu hadapan. Sila isi dan bawa borang penerimaan temu duga.

Terima kasih, Encik Azhar.

Sama-sama.

Suria Niaga

Peluang bidang pekerjaan untuk OKU masalah pembelajaran.

- Dobi
- Pastrri
- Pembuatan pakaian

Sila hubungi:
017-12345678

Sinar Mega

Anda Kami Perlukan

Peluang pekerjaan untuk OKU masalah penglihatan.

- Juruwang
- Telepemasaran
- Jururefleksologi

Sila hubungi:
017-87654321

Surat Penerimaan Tawaran Temu Duga

Saya
No. KP:
bersetuju menerima/
menolak tawaran
temu duga pada tarikh
yang telah ditetapkan.



Aktiviti

Dengar rakaman dengan telitinya. Sampaikan maklumat dalam bentuk hebahan kepada rakan anda.



1.2.2 Mendengar dan menyalurkan maklumat yang diterima daripada pelbagai sumber dalam pelbagai bentuk.



Celik Hati

Aku sangkakan panas hingga ke petang, rupanya hujan di tengah hari. Keadaan aku berubah ketika berusia lapan tahun. Doktor telah memberitahu kedua-dua ibu bapaku bahawa aku mengalami penyakit glaukoma. Betapa sedihnya perasaan mereka. Genap sepuluh tahun, aku menjadi buta sepenuhnya.

“Puan Azira, Amir perlu menerima pendidikan seperti kanak-kanak lain. Saya yakin Amir boleh berjaya dalam pendidikan dan boleh berdikari tanpa bergantung pada orang lain,” kata seorang pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Ibu bapaku akhirnya bersetuju dan mendaftarkan aku di Jabatan Kebajikan Masyarakat.



Aku bersekolah di sebuah sekolah rendah pendidikan khas. Sekolah itu juga menyediakan asrama. Semenjak bersekolah, aku boleh mengurus diri sendiri. Aku boleh bergerak ke bilik mandi, memakai baju, malah melipat pakaian sendiri. Aku juga boleh bermain bersama-sama dengan rakan yang lain.


Ketika berumur 13 tahun, aku menyambung pelajaran di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Ismail Fitri, Kuala Terengganu. Semasa di tingkatan satu, aku mengambil subjek Kemahiran Asas Vokasional Refleksologi. Aku amat meminati bidang tersebut. Aku bercita-cita ingin menjadi seorang jururefleksologi suatu hari nanti.



“Amir, awak seorang murid yang rajin dan bijak. Cikgu harap impian awak akan tercapai suatu hari nanti.”



“Terima kasih, cikgu.”

Nasihat cikgu menjadikan aku bertekad untuk mengambil Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). Akhirnya, aku berjaya dan diterima belajar di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Indahpura, Kulai, Johor.



TEMA
5


Orang Kurang Upaya (OKU)



Zon Refleksologi Amir



Aktiviti

1. Berdasarkan bahan, baca dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai.
2. Ramalkan pencapaian yang diperoleh oleh Amir. 



2.1.1 Membaca dengan sebutan yang betul.



Menulis

Fazilah merupakan OKU masalah pendengaran. Beliau telah memperoleh diploma dalam bidang hiasan dalaman. Fazilah berkongsi cara menghias rumah sendiri yang diaplikasinya dalam Facebook.


Hiasan Dalaman



1. Mengenal pasti konsep hiasan yang dikehendaki, sama ada kontemporari, industri, minimalis, *scandinavian* dan tradisional.



2. Memilih warna dan membeli cat yang digemari.



3. Mengecat dinding dengan pelbagai tona warna.



4. Mengecat dinding dengan mempelbagaikan teknik kreatif.



5. Menyusun atur perabot utama.



6. Memadankan warna dinding dengan warna langsir yang sesuai.



Aktiviti

Berdasarkan bahan, kenal pasti kata kerja dan bina ayat.



3.2.1 Membina ayat dengan menggunakan golongan kata.

TEMA
5

Orang Kurang Upaya (OKU)



Penilaian

Bincangkan pilihan bidang kerjaya yang diminati bersama-sama dengan rakan anda. Bentangkan.



TEMA
5

Orang Kurang Upaya (OKU)

Pilihan bidang kerjaya

- Dobi
- Jahitan
- Perhotelan
- Pencetakan
- Refleksologi
- Jualan dalam talian

PANDUAN

1. Sediakan borang.
2. Edarkan borang tersebut kepada rakan anda.
3. Minta mereka mengisi borang tersebut.
4. Berdasarkan rumusan, bentangkan di hadapan kelas.

Kerjaya Pilihan Anda

Pilihan bidang kerjaya: _____

Kelebihan	Kekurangan

Rumusan:

Bidang kerjaya ini dipilih kerana



Mendengar dan Bertutur



IMBAS SAYA

Sumbangan OKU

Tasha, Swee Lin dan Suresh berkongsi maklumat yang diperoleh daripada media massa tentang sumbangan OKU kepada negara.

TEMA
5

Orang Kurang Upaya (OKU)

Latar belakang

- Rashidi bin Abdullah, OKU masalah penglihatan.

Pencapaian Akademik

- Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 – Refleksologi.

Sumbangan

- Penceramah motivasi di sekolah dan di penjara.
- Ikon Persatuan Siswazah Wanita Malaysia (PSWM) sejak tahun 2006.
- Ahli motivasi dalam program Kau Sumber Inspirasiku (KSIK).

Kejayaan

- Penulis buku *Monolog Budak Buta*.
- Seorang jurufoto dan hasil fotografi beliau telah diiktiraf dan dipaparkan dalam kalendar korporat.

Rashidi bin Abdullah

OKU penglihatan merupakan penulis buku *Monolog Budak Buta*.

RASHIDI ABDULLAH

"Biarkan aku buta, jika itu sahaja cara untuk aku kembali celik"

MONOLOG
BUDAK BUTA



Aktiviti

Berdasarkan bahan, hasilkan slaid tentang Rashidi bin Abdullah.



1.3.2 Menyampaikan maklumat yang tepat tentang sesuatu perkara dengan menggunakan pelbagai media.



Membaca

Kami Telah Buktikan

Salina merupakan wartawan daripada *Buletin Inspirasi*. Beliau telah menemu ramah Vivian Kwek Chu Lan, OKU masalah penglihatan bagi mengisi ruangan “Kami Mampu Lakukan”.

Salina: Apa khabar, Puan Vivian?

Vivian: Khabar baik.

Salina: Saya, Salina merupakan wartawan *Buletin Inspirasi*. Saya ingin menemu ramah puan untuk mengetahui kejayaan puan dalam bidang fotografi dan penglibatan puan dalam aktiviti kemasyarakatan.

Vivian: Boleh, Salina.

Salina: Apakah perasaan Puan Vivian apabila hasil karya seni puan terpilih dan dipaparkan dalam kalendar korporat MSIG Insurance (Malaysia) Berhad pada tahun 2020?

Vivian: Saya berasa bangga dan gembira kerana usaha saya selama ini mendapat pengiktirafan.

Salina: Bolehkah puan ceritakan penglibatan puan dalam aktiviti kemasyarakatan pula?

Vivian: Saya memang suka bergiat aktif dalam aktiviti kemasyarakatan. Saya juga merupakan penganjur dan penyelaras OKU bagi aktiviti seperti terapi fizikal, menjelajah hutan dan yoga.

Salina: Bolehkah puan berikan tip untuk diteladani oleh OKU yang lain?

Vivian: Boleh. Sekiranya mahu berjaya, kita mestilah memilih bidang yang diminati, tidak mudah berputus asa dan terus berusaha.

Salina: Apakah harapan puan terhadap golongan OKU pada masa hadapan?

Vivian: Saya berharap agar masyarakat akan memberikan sokongan, dorongan dan peluang kepada kami supaya terus berjaya dalam melakukan sesuatu pekerjaan.

Salina: Terima kasih, Puan Vivian.

Vivian: Sama-sama, Salina.



Orang Kurang Upaya (OKU)
TEMA 5

Vivian Kwek Shu Lan

OKU Masalah Penglihatan (Rabun B3)

Bakat dan Minat

Fotografi

Pengalaman Kerja

Berpengalaman kerja sebagai Operator Telefon di syarikat penerbangan hingga dinaikkan pangkat sebagai pegawai kanan.

Sumbangan/Kejayaan

1. Mewakili negara bagi acara sukan:
1989 – Acara lontar peluru di Jepun.
1994 – Acara baling cakera di Beijing, China.
2. Hasil karya seni fotografi beliau mendapat pengiktirafan oleh MSIG Insurance (Malaysia) Berhad dan dipaparkan dalam kalendar korporat 2020.

Penglibatan dalam Aktiviti Kemasyarakatan

Penganjur dan penyelaras program:

1. Yoga
2. Hiking
3. Spin class
4. Drum circles
5. Tandem cycling
6. Forest therapy
7. Sensory gardening
8. Sensory photography
9. Assisting the critical illness vips (visually impaired persons) community



Aktiviti



2.1.4 Menyampaikan maklumat daripada pelbagai bahan yang dibaca dengan laras bahasa yang sesuai.



Menulis

TEMA
5

Orang Kurang Upaya (OKU)

Tangan Kayu

Wan Harun bin Wan Ahmad berasal dari Kuala Nerus, Kampung Duyong Besar, Terengganu. Beliau merupakan anak keenam daripada tujuh orang adik-beradik yang dilahirkan dengan kecacatan tangan dan kaki. Wan Harun amat meminati bidang seni ukiran kayu. Beliau telah mengikuti kursus selama enam bulan di bawah anjuran Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam bidang seni ukiran kayu. Setelah tamat kursus selama enam bulan, Wan Harun melanjutkan lagi kursus kemahiran seni ukiran kayu selama empat tahun di Pulau Kerengga, Terengganu.



Semasa mengikuti latihan kemahiran seni ukiran kayu tersebut, Wan Harun juga aktif berlatih dalam aktiviti sukan renang. Pada tahun 2001, Wan Harun telah terpilih mewakili negara dalam Sukan SEA Paralimpik pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Antara pertandingan sukan renang pada peringkat antarabangsa yang disertainya termasuklah di Korea, Thailand dan New Zealand. Setiap penyertaan dalam pertandingan yang disertai, pasti ada pingat yang dimenangkinya. Selain itu, Wan Harun merupakan ahli Persatuan Pembangunan OKU Negeri Terengganu. Beliau sangat aktif mengikuti program dan aktiviti yang dijalankan seperti memberikan ceramah motivasi kepada golongan OKU yang cacat akibat kemalangan dan tidak boleh menerima kecacatan yang dialami. Wan Harun juga memberikan latihan tentang sukan renang kepada golongan OKU serta memberikan tunjuk ajar berkaitan dengan seni ukiran kayu kepada golongan OKU yang berminat.

Kini, Wan Harun berkecimpung secara sepenuh masa membuat seni ukiran kayu sebagai sumber pendapatan beliau. Ukiran kayu yang dihasilkan oleh beliau bermotifkan flora seperti rehal, cermin, jam dinding dan bingkai gambar. Wan Harun memasarkan produknya dengan menerima tempahan dan menjualnya kepada masyarakat setempat. Walaupun bergelar OKU, beliau mampu menghasilkan ukiran kayu yang berkualiti. Wan Harun berpengalaman dalam bidang ukiran kayu lebih 30 tahun. Beliau juga dikenali sebagai *iron man* kerana menghasilkan seni ukiran kayu menggunakan sarung tangan berbentuk tukul.



TEMA
5

Orang Kurang Upaya (OKU)



Selagi diperlukan, saya akan terus memberikan sumbangan dalam bidang sukan renang dan seni ukiran.

Wan Harun bin Wan Ahmad



Aktiviti

Berdasarkan bahan, tulis pengalaman Wan Harun dalam bentuk infografik dan siarkan dalam majalah sekolah.



3.1.3 Menyebar maklumat berdasarkan bahan yang ditulis.



Jom Berkomunikasi

Peranan NGO meliputi pelbagai aktiviti dan khidmat sukarela seperti dalam bidang kebajikan, kesihatan dan pemuliharaan alam sekitar. Anda berminat menyertai NGO bagi membantu golongan kurang bernasib baik. Nyatakan bantuan yang boleh anda sumbangkan kepada golongan OKU ini.

TEMA
5

Orang Kurang Upaya (OKU)

pusat jagaan
untuk OKU

memberikan
motivasi

menyumbang
tenaga kerja

latihan mengurus
kehidupan

intervensi klinikal